Juara UASA

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

berdasarkan JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

状元试卷

国文

Bahasa Melayu
(011)

Set kertas model selaras format pentaksiran terkini, pilihan utama untuk persediaan UASA!

JSU

KBAT

Wen Bin

Tahun 6 年级

- 100% mematuhi format UASA UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK terkini
- 5 Set Kertas Model UASA
- Setiap set boleh dipisah daripada buku
- Dilengkapi dengan tip menjawab UASA
- Jawapan lengkap disediakan

LIVEWORKSHEETS

Bahagian A

[10 *markah*]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "_____ lamakah program itu berlangsung?" tanya Annabel kepada Cheng Yang.

   A Bagaimana

   B Berapa

   C Bila

   D Apa

2. Cikgu Tiang menerima hadiah _____ Eugene sempena Hari Guru.

   A dari

   B pada

   C kepada

   D daripada

Soalan 3

3. *Pilih ayat yang* **betul**.

   A Lelaki itu adalah bapa saya.

   B Cikgu Bu yang berdedikasi adalah guru kelas Tahun Lima Merah.

   C Pemenang pertandingan bercerita itu ialah murid dari kelas Tahun Enam Biru.

   D Hamper itu ialah untuk Nicodemus sebagai hadiah sempena hari jadinya yang kesebelas.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ying Tong seorang murid tahun enam yang rajin belajar. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini dia selalu berasa tertekan kerana tugasan sekolah yang terlalu banyak. Dia menjadi cepat marah dan hilang semangat untuk bermain bersama dengan rakan-rakan.

Guru kelasnya, Cikgu Aini, menyedari perubahan sikap Ying Tong lalu menasihatinya supaya menjaga kesihatan mental dengan mendapatkan rehat secukupnya dan berkongsi perasaan dengan orang yang dipercayai. Selepas mengamalkan nasihat itu, fikiran Ying Tong menjadi lebih tenang dan dia berasa lebih gembira.

4. Mengapakah Ying Tong berasa stres?
   - A Dimarahi oleh Cikgu Aini
   - B Terlalu banyak tugasan sekolah
   - C Mendapatkan rehat yang secukupnya
   - D Hilang semangat untuk bermain bersama dengan rakan-rakan

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   - A Ying Tong seorang murid yang cepat lesu.
   - B Rakan-rakan Ying Tong menyedari perubahan sikapnya.
   - C Ying Tong menasihati rakan-rakannya supaya menjaga kesihatan mental.
   - D Ying Tong mendengar nasihat Cikgu Aini dan mengamalkan nasihat beliau.

6. Berikut ialah nasihat Cikgu Aini kepada Ying Tong berdasarkan petikan *kecuali*
   - A menjaga kesihatan mental.
   - B mendapatkan rehat secukupnya.
   - C menyiapkan semua tugasan sekolah segera.
   - D berkongsi perasaan dengan orang yang dipercayai.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 hingga 10
Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

AKTIVITI MEMBERSIHKAN SUNGAI

Tarikh : 27 September 202_
Tempat : Sungai Sarawak
Masa : 7.00 pagi hingga 11.00 pagi
Penganjur : Persatuan Penduduk Sri Aman



Memelihara alam sekitar
tanggungjawab bersama

Semua Dijemput Hadir



- makanan disediakan
- peralatan disediakan
- sijil akan diberikan kepada semua peserta

BAHAN 2

Pada pagi Sabtu yang cerah, Amir dan rakan-rakannya pergi ke sungai. Mereka terkejut apabila melihat banyak sampah di tepi sungai.

"Kalau sungai kotor, hidupan sungai akan terancam," kata Teck Hua.

Dengan penuh sukarela, mereka berganding bahu untuk mengutip sampah-sampah seperti plastik, botol dan puntung rokok. Walaupun penat, mereka berasa gembira kerana dapat membersihkan alam sekitar. Selesai membersihkan sekitar sungai, seorang penduduk kampung memberikan makanan dan minuman kepada mereka. Penduduk itu sangat menghargai usaha Amir dan rakan-rakannya.

Amir berasa bangga kerana dapat menjaga kebersihan sungai. Dia berjanji akan sentiasa *memelihara* alam sekitar supaya kekal bersih dan indah.

© Tunas Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

7. Mengapakah Amir dan rakan-rakannya terkejut?

   A Suasana di tepi sungai bersih dan ceria

   B Melihat suasana di tepi sungai sangat kotor

   C Mereka mendapat sijil penyertaan daripada penganjur

   D Mereka diberikan makanan dan minuman oleh penduduk

8. Amir berasa bangga kerana dapat menjaga kebersihan sungai.

   Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

   A helai.

   B buah.

   C gugus.

   D batang.

9. Perkataan *memelihara* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

   A merosot.

   B menjaga.

   C mencemari.

   D membangun.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

   A Ketua kampung memberikan makanan dan minuman kepada Amir dan rakan-rakannya.

   B Semua peserta aktiviti gotong-royong dikehendaki membawa peralatan sendiri.

   C Amir dan rakan-rakannya membersihkan sungai secara sukarela.

   D Aktiviti membersihkan sungai berlangsung selama lima jam.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Bahagian B

[10 *markah*]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Farid dan keluarganya singgah di kawasan Rehat dan Rawat ketika dalam perjalanan pulang ke kampung. Ayah berpesan supaya mereka tidak berlari-lari di kawasan parkir kerana kawasan itu berbahaya. Ibu pula mengingatkan supaya tidak berbual dengan orang yang tidak dikenali. Farid berasa selamat kerana ahli keluarganya mematuhi panduan keselamatan di kawasan Rehat dan Rawat. Selain itu, Farid juga tidak meninggalkan barang berharga di dalam kereta dan memastikan kereta dikunci sebelum pergi berehat. Dengan itu, Farid sedar bahawa menjaga keselamatan di tempat awam bukan sahaja melindungi diri tetapi memberikan ketenangan kepada seluruh keluarga.

I. (a) Dalam perjalanan pulang ke kampung, Farid dan keluarganya singgah di

_____.

[I *markah*]

(b) Apakah tindakan Farid sebelum pergi berehat di kawasan Rehat dan Rawat?

_____

_____

[2 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

(c) *Bulatkan* **satu kata sendi nama** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Farid berasa selamat kerana ahli keluarganya mematuhi panduan keselamatan di kawasan Rehat dan Rawat.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tuliskan* (BETUL) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Ayah berpesan supaya mereka tidak berlari-lari di kawasan parkir kerana kawasan itu berbahaya.

Ayah mengingatkan agar mereka tidak berlari-lari di kawasan tempat letak kereta kerana kawasan itu bahaya.	
Ayah mengingatkan agar mereka tidak berlari-lari di tempat awam kerana tempat awam sangat bahaya.	

[1 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Kamu akan mewakili sekolah dalam perkhemahan perdana peringkat negeri. Pada hari yang sama, kamu juga terpilih untuk menyertai pertandingan kuiz sejarah secara dalam talian peringkat kebangsaan.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Bahagian C

[10 *markah*]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara membentuk keluarga harmoni.
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara membentuk keluarga harmoni.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.**
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**



[10 *markah*]

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS

Bahagian D

[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* antara 50 hingga 80 patah perkataan.

BERSAMA-SAMA MEMBERSIHKAN HALAMAN RUMAH



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

   ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

© *Tunas Pelangi Sdn. Bhd.*

LIVEWORKSHEETS